



POLISI ANTI- RASUAH

KPJ Healthcare Berhad (KPJHB) dan Syarikat-syarikat dalam Kumpulan KPJ hendaklah menegakkan etika nilai bisnes yang baik dengan mencegah dan menghapuskan segala bentuk rasuah/korupsi dalam mencapai visi dan misi organisasi untuk menjaga kepentingan pihak-pihak berkepentingan.

KPJHB dan Syarikat-syarikat dalam Kumpulan KPJ bertanggungjawab:

1. Menanam dan mempraktikkan kebaikan-kebaikan beretika di dalam organisasi
2. Menghindari sebarang kemungkinan yang mendorong berlakunya amalan-amalan tidak beretika dan tidak benar;
3. Mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, peraturan-peraturan, Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ISO 37001:2016) dan lain-lain keperluan;
4. Mengambil tindakan-tindakan yang perlu terhadap anggota pekerja dan lain-lain pihak yang berminat untuk melanggar undang-undang, peraturan-peraturan, polisi Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan lain-lain keperluan;
5. Bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk memerangi ancaman-ancaman rasuah dan penipuan;
6. Jawatankuasa Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan Unit Integriti ditubuhkan untuk memantau dan memastikan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah dilaksanakan seterusnya melaporkan kepada Pengurusan Atasan KPJHB untuk tujuan penambahbaikan;
7. Mematuhi Kod Perilaku dan Etika Business dan mengamalkan nilai-nilai yang baik berdasarkan moral dan prinsip-prinsip keagamaan semasa menjalankan tugas dan melakukan peningkatan berterusan.
8. Menggalakkan saluran pelaporan (polisi Whistleblowing) untuk semua bentuk risiko rasuah/korupsi.

1 September 2020

(Isu: 01)

Dato' Yusli Mohamed Yusoff
Pengerusi KPJ Healthcare Berhad